



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (085-101)

Strategi Guru Pelatih dalam Menguasai Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Abdullah Hamzah, Pabiyah Toklubok, Wan Muhammad Wan Sulong

abdullah.hamzah@ipgm.edu.my , pabiyah@upm.edu.my & w_mhd@upm.edu.my

*Jabatan Bahasa Asing,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia*

Tarikh terima : 20 Ogos 2025
Received
 Terima untuk diterbitkan : 03 Oktober 2025
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh guru pelatih yang bakal menjadi guru bahasa Arab. Namun dapatan terdahulu menunjukkan ia merupakan salah satu kemahiran yang sukar dikuasai kerana ia memerlukan kepelbagaian strategi untuk mempelajarinya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat strategi pembelajaran kemahiran bertutur yang digunakan oleh guru pelatih bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI) ketika mempelajari kursus Kemahiran Berbahasa Arab (BAMB3013). Pendekatan kualitatif ini melibatkan 11 orang responden. Data diambil daripada catatan diari yang ditulis seurus selepas enam (6) kali sesi pembelajaran, dan disokong dengan data temubual secara separa struktur. Data kajian dianalisis berpandukan model Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) Chamot dan O'Malley (1990). Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih amat cenderung untuk menggunakan strategi metakognitif, iaitu pengurusan sendiri, persediaan pendahuluan, perancangan penyusunan dan pemantauan sendiri. Strategi ini digunakan untuk merancang aktiviti serta memantaunya demi meningkatkan penguasaan mereka semasa bertutur. Strategi tersebut turut digandingkan dengan strategi kognitif iaitu menggunakan sumber, mengambil nota, meringkaskan, membuat kesimpulan, menggambarkan dan memindahkan maklumat. Selain itu, strategi sosial afektif, iaitu bertanya guru untuk mendapatkan penjelasan, serta bekerjasama dengan rakan-rakan turut digunakan. Mereka juga memafaatkan strategi meredakan kebimbangan dan bercakap dengan diri sendiri. Kajian ini juga mendapati strategi metakognitif paling kerap digunakan berbanding strategi-strategi lain. Terdapat juga SPB yang digunakan secara kreatif bersesuaian dengan perkembangan teknologi, iaitu mengambil nota dengan menggunakan kaedah rakaman audio untuk memudahkan pemantauan sendiri bagi meningkatkan kemahiran ini. Justeru, kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan yang melibatkan pembangunan modul bagi kemahiran bertutur berasaskan teknologi dapat diteruskan seiring dengan perkembangan penggunaan teknologi dalam pembelajaran pada abad ke-21.

Kata kunci: strategi pembelajaran bahasa; kemahiran bertutur, catatan diari, bahasa Arab, guru pelatih

Strategies for Trainee Teachers in Mastering Arabic Speaking Skills

Abstract

Speaking skills is one of the essential skills that must be mastered by trainee teachers who will become Arabic language teachers. However, previous studies show that it is the most difficult skills that requires variety of strategies when studying. Therefore, this study aims to identify the speaking skill learning strategies employed by Arabic language trainee teachers at the Institute of Teacher Education Islamic Campus (IPG KPI) when studying the Arabic Language Skills course (BAMB3013). A qualitative approach is used in this study involving 11 respondents among Arabic teacher trainees. Data collected from the diary entries of their trainees written shortly

after their six (6) times learning sessions and supported with semi structured interviews. Data were then analyzed using the Chamot and O'Malley model of Language Learning Strategies (LLS) (1990). The findings of the study show that trainee teachers are very likely to use metacognitive strategies, namely self-management, advance preparation, planning, organization and self-monitoring. This strategy is used to plan activities and monitor them in order to improve their mastery while speaking. These strategies are also coupled with cognitive strategies, namely using sources, taking notes, summarizing, drawing conclusions, describing and transferring information. In addition, social-affective strategies; namely asking the teacher for clarification, and collaborating with friends are also used. They also use strategies to relieve anxiety and talk to themselves. This study also found that metacognitive strategies are used most frequently compared to other strategies. There is also LLS that is used creatively in accordance with technological developments, namely taking notes using audio recording methods to facilitate self-monitoring to improve these skills. Therefore, this study suggests that further research involving the development of modules for technology-based speaking skills can be continued in line with the development of the use of technology in learning in the 21st century.

Keywords: language learning skills; speaking skills; diary entries; Arabic language, teacher trainees

1. Pengenalan

Kemahiran bertutur dalam pembelajaran bahasa asing memerlukan penguasaan yang sistematik supaya idea yang ingin disampaikan dapat difahami dengan baik semasa berkomunikasi. Namun penguasaan kemahiran bertutur ini sukar dikuasai sehingga ia menjadi fokus dalam kajian pembelajaran bahasa asing (Juwairiah & Mardian, 2024). Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing pula, penguasaan kemahiran ini khususnya dalam kalangan pelajar universiti awam di Malaysia masih rendah, walaupun mereka telah melalui tempoh pembelajaran bahasa Arab yang sangat lama (Ab. Halim, 2009; Nadwah & Nadhilah, 2014). Kelemahan bertutur bahasa Arab ini juga ketara dalam kalangan pelatih Institut Pendidikan Guru yang mempelajari bahasa Arab (Mohamad Ziyad & Izuddin, 2011). Kelemahan kemahiran bertutur ini perlu diatasi dengan mencari jalan penyelesaian yang boleh meningkatkan pencapaian kemahiran bertutur. Antara cara yang boleh digunakan ialah dengan mengkaji Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih agar ia boleh menjadi panduan kepada guru-guru pelatih secara khusus dan juga pelajar bahasa Arab yang lain secara umum.

2. Sorotan Literatur

2.1 SPB dalam Pembelajaran Bahasa Asing

Strategi pembelajaran bahasa (SPB) mula diterokai pada awal dekad 70-an apabila para pengkaji bahasa melihat perlunya kajian dijalankan bagi merumuskan strategi yang telah digunakan oleh pelajar cemerlang bahasa untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran bahasa kedua. Usaha ini dirintis oleh (Rubin, 1975) yang mengkaji watak pelajar cemerlang bahasa dan bagaimana cara mereka mempelajari bahasa. Kemudian SPB ini disusun untuk menjadi panduan kepada pelajar-pelajar yang sedang mempelajari bahasa kedua agar menguasainya dengan lebih baik dan berkesan. Menurut (Oxford, 1990) 'Strategi pembelajaran' ini bermaksud 'perilaku, tindakan, kegiatan atau teknik yang diambil oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pemerolehan semula dan penggunaan maklumat'. Namun definisi yang paling ringkas dan mantap untuk menggambarkan SPB ialah apa yang telah dinyatakan oleh (Griffiths, 2003) iaitu tindakan khusus yang diambil oleh pelajar bahasa secara sedar untuk tujuan pembelajaran bahasa.

2.2 Isu SPB dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia

Kajian SPB mula berkembang dalam bidang pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia pada alaf baharu yang dimulakan oleh Anida (2003) dan Nurazan (2004). Kemudian ia terus menjadi perhatian para pengkaji seperti kajian tentang penggunaan SPB dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama (SMKA) di Malaysia (Kamarul Shukri, 2009). Seterusnya, kajian SPB dari aspek pembelajaran kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar Melayu di universiti turut dilakukan (Sueraya, Ismail, Ariffin, & Ismaiel, 2010; Mastura & Kaseh, 2015).

Dalam kajian SPB di Malaysia, dua (2) model yang mendominasi reka bentuk kajian ialah model SPB (Oxford, 1990) dan model (O'Malley & Chamot, 1990). Model Oxford (1990) terdiri daripada enam jenis strategi asas; iaitu strategi metakognitif, strategi kognitif, strategi memori, strategi tampungan, strategi afektif dan strategi sosial. Model ini sering digunakan oleh pengkaji yang menggunakan pendekatan kuantitatif dalam analisis. Manakala model O'Malley & Chamot (1990) disusun dalam tiga (3) bentuk strategi utama; iaitu strategi metakognitif, kognitif dan sosial afektif. Strategi metakognitif merupakan strategi yang merancang pembelajaran, memikirkan tentang proses pembelajaran, memantau hasil dan kefahaman dan menilai pembelajaran sesudah selesai sesuatu aktiviti bahasa. Strategi kognitif pula ialah strategi yang berfokuskan kepada aktiviti-aktiviti pembelajaran yang merangkumi aktiviti memanfaatkan bahan pembelajaran secara berterusan dengan pelbagai cara yang berbeza. Manakala strategi sosial afektif pula melibatkan kebolehan pelajar berinteraksi dengan orang lain dengan tujuan pembelajaran bahasa seterusnya mampu menguruskan emosi, sikap, motivasi dan nilai pembelajaran bahasa (Kamarul Shukri & Mohamad Amin, 2010).

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab secara umum, SPB telah terbukti membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam bahasa ini (Anida, 2003; Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parillah, & Wan Haslina, 2013; Nazimah, 2011). Namun penggunaan SPB metakognitif dan SPB kognitif masih di tahap sederhana dan perlu didedahkan secara lebih kerap kepada pelajar bahasa Arab (Ghazali Yusri et al., 2013). Pelajar cemerlang juga dilihat lebih kerap menggunakan SPB Kognitif berbanding dengan SPB Metakognitif dan SPB Sosial afektif (Nurazan, 2004). Namun, secara keseluruhannya pelajar cemerlang menggunakan SPB yang sesuai dan lebih efektif mengikut keperluan pembelajaran masing-masing (Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Mohd Amin Embi, & Zamri Mahamod, 2009). Pemilihan SPB yang sesuai dengan aktiviti bahasa pula merupakan faktor penting bagi memastikan keberkesanan dalam pencapaian bahasa Arab (Nik Farhan, 2011).

Di samping itu, kajian SPB turut dikhususkan kepada aspek kemahiran bahasa Arab tertentu, seperti kemahiran membaca yang dikaji oleh Nazimah (2011) dan Nik Farhan (2011), dan juga kemahiran menulis dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) (Sumaiyah, 2020). Bahkan terdapat usaha membangunkan modul bagi memudahkan para pelajar ini untuk menguasai kemahiran menulis berasaskan strategi (Sumaiyah et al. 2023). Dari aspek kemahiran bertutur pula, ia turut mendapat perhatian para pengkaji; seperti Mastura & Kaseh (2015), Mohd Hilmi, Muhd Zulkifli, & Nik Farhan (2014), serta Sueraya et.al (2010). Malah, isu berkaitan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab di IPG turut menjadi fokus dalam kajian Abdullah et.al (2017). Hal ini kerana para pelajar IPG didapati masih menghadapi banyak masalah dalam mempelajari kemahiran bahasa Arab, sekalipun mereka bakal menjadi tenaga pengajar yang akan mencurahkan kemahiran bahasa ini kepada anak didik di sekolah (Abd Aziz et al. 2015).

Hasil SPB pula menunjukkan pelajar bahasa Arab didapati banyak menggunakan strategi afektif seperti berdoa (Mastura & Kaseh, 2015; Mohd Hilmi, 2014) sebagai satu cara untuk belajar bertutur bahasa Arab. Selain itu, strategi terjemahan dan pengulangan juga kerap digunakan semasa mengutarakan idea dalam kalangan pendebat amatir bahasa Arab (Ahmad Syahmi, 2024). Apa yang menarik ialah penggunaan strategi media dan strategi personal didapati banyak membantu meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar dengan merujuk kepada sumber video dan juga audio dalam bahasa Arab (Mastura & Kaseh, 2015).

Dapatan daripada kajian lampau ini menunjukkan bahawa penggunaan SPB mempunyai peranan penting dalam meningkatkan pencapaian bahasa Arab dan juga kemahiran berbahasa seperti kemahiran bertutur. Bertitik tolak daripada isu kelemahan dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih di IPG (Abdullah, 2017), maka kajian penerokaan yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk menyingkap SPB yang paling kerap digunakan oleh para pelajar ini semasa bertutur dalam bahasa Arab. Malah, kajian ini penting bagi mengenal pasti kelemahan dalam penggunaan SPB agar perkara ini dapat diatasi, sekaligus membantu pelajar IPG mempraktikkan SPB yang lebih sesuai dan efektif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran ini apabila menjadi pendidik pada masa hadapan.

3. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan bagi meneroka SPB yang digunakan oleh guru pelatih IPG ketika mempelajari kemahiran bertutur bahasa Arab. Ia dikategorikan sebagai kajian kes yang menerapkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah penulisan diari harian responden sebagai sumber asas data, serta disokong oleh temubual separa struktur. Seramai 11 orang responden dari Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI) telah diminta untuk menulis catatan diari sejurus selesai pembelajaran kursus Kemahiran Berbahasa BAMB3013. Sebanyak 66 buah catatan diari telah ditulis oleh responden selepas melalui enam (6) sesi pembelajaran kemahiran bertutur yang melibatkan lima (5) aktiviti selama dua (2) minggu. Setiap data yang dikumpul diberi kod R yang mewakili responden dan nombor yang tertera selepasnya merupakan urutan ayat yang dicatat dalam diari responden sepanjang sesi pengumpulan data. Catatan diari ini dianalisis menggunakan perisian Microsoft Word dan juga Atlas. Ti. Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan model SPB Chamot dan O'Malley (1990). Model ini dipilih kerana SPB di dalamnya mempunyai ciri yang lebih terbuka dan fleksibel berbanding model SPB Oxford (1990). Ciri sebegini penting bagi suatu kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif, kerana ia mampu menonjolkan tema tersirat yang lebih berkualiti daripada data yang dikumpul. Di samping itu, model Oxford (1990) dilihat lebih menepati kajian kuantitatif.


4. Analisis Dapatan dan Perbincangan

4.1 Analisis Dapatan

Setelah menganalisa data catatan diari responden dan juga temu bual separa struktur bersama mereka, dapatan kajian telah disusun dan dikemas kini berdasarkan tema sebagaimana dalam rajah 4.1 berikut:

Rajah 4.1

SPB kemahiran bertutur bahasa Arab guru pelatih



Guru pelatih menggunakan semua strategi yang terkandung dalam model SPB Chamot dan O'Malley (1990). Namun tidak semua strategi-strategi pecahan dalam SPB ini menjadi pilihan mereka. SPB yang telah digunakan oleh mereka adalah seperti berikut:

1) Strategi Metakognitif

Strategi metakognitif yang melibatkan guru pelatih berfikir, merancang dan menguruskan pembelajaran dengan mencipta strategi-strategi lain yang akan digunakan. Strategi metakognitif ini boleh dipecahkan kepada beberapa sub tema pengurusan sendiri, persediaan pendahuluan, perancangan, pemantauan sendiri dan penilaian sendiri.

1.1 Pengurusan Kendiri

Guru pelatih menunjukkan mereka sentiasa merancang dan mengurus pembelajaran yang dilalui dengan mencari dan mengatur keadaan yang boleh meningkatkan prestasi pembelajaran. Responden yang mempunyai kelebihan pengurusan sendiri banyak merancang tindakan untuk meningkatkan bahasa Arab termasuk untuk menguasai kemahiran bertutur. Strategi yang melibatkan pengurusan sendiri ini ialah persediaan diri dan perancangan persediaan:

a. Persediaan Diri

Catatan diari menunjukkan responden mempersiapkan diri untuk belajar daripada aspek fizikal dan mental bagi menjalani pembelajaran kemahiran bertutur. Persiapan fizikal bermaksud persiapan kecergasan untuk memulakan pembelajaran dengan penuh segar dan bersemangat:

*aku selalu kerapkan basuh muka dan minum air sebab belajar pada waktu tengahari memang mengantuk da tidak dinafikan. Cuma, perbuatan ini adalah salah **ikhtiar aku untuk still dalam keadaan cergas** untuk belajar selain makan gula-gula atau manisan, ianya boleh merangsang minda manusia.*

(R1, 1907)

b. Rancang Persediaan

Selain daripada persediaan diri, responden memiliki kesedaran pengurusan sendiri yang jelas iaitu membuat inisiatif sendiri dengan berfikir dan merancang untuk meningkatkan kemahiran bahasa terutama kemahiran bertutur:

*oleh itu saya merancang untuk memuat turun video percakapan harian yang mudah dalam bahasa arab bagi memudahkan saya **memahami dan bertutur** ketika bercakap//. Saya juga kekurangan **mufrodhat** justeru saya merancang untuk menghafal sesuatu perbendaharaan kata tersebut bersama kata dasar dan imbuhan nya bagi memudahkan saya menggunakan uslub yang yang betul.// Saya turut merancang untuk **melihat kartun** dalam bahasa arab kerana ia mudah walaupun ianya sesuai bagi peringkat kanak-kanak,// namun saya rasa saya amat mermerlukannya..... Saya juga turut menggunakan strategi di luar kelas iaitu pagi tadi sebelum kelas saya **mendengar berita arab** agar saya boleh terbiasa dengan gaya pertuturan bahasa arab*

(R11, 207)

Responden ini banyak membuat perancangan sendiri untuk meningkatkan pembelajaran bahasa selain daripada mengambil bahagian dalam aktiviti dalam kelas. Beliau telah menggariskan beberapa perancangan untuk meningkatkan kemahiran bertutur seperti memuat turun video perbualan harian bahasa Arab agar boleh menjadi panduan untuk memahami perbualan dan juga sebagai panduan untuk bertutur. Beliau juga merancang untuk menonton filem kartun kerana bahasanya yang mudah dan juga selalu mendengar berita Arab untuk membiasakan dirinya dengan gaya pertuturan Arab.

1.2 Persediaan Pendahuluan

Responden menyatakan mereka telah melakukan persediaan awal sebelum sesi pembelajaran kemahiran bertutur. Terdapat dua elemen utama yang diambil berat oleh responden ketika melakukan persediaan pendahuluan sebelum pembelajaran iaitu biasakan mendengar dan hafal kosa kata.

a. Biasakan Mendengar

Antara punca kelemahan kemahiran bertutur ialah tidak mampu menyebut perkataan atau kosa kata Arab dengan betul. Ini berpunca daripada tidak pernah atau tidak biasa mendengar bagaimana sesuatu kosa kata itu disebut dengan betul dan tepat menyebabkan responden tidak memperoleh satu panduan yang tepat tentang sebutan. Dalam hal ini, responden berkemungkinan mengetahui kosa kata tersebut, tetapi disebabkan tidak pernah mendengar sebutan yang betul menyebabkan responden tidak dapat memadankan dengan makna kosa kata yang sudah sedia ada pada mereka. Dalam situasi ini responden menggunakan strategi membiasakan diri mendengar ceramah Arab kerana apabila ia telah biasa mendengar perkataan Arab akan menambahkan keyakinan pada dirinya untuk bertutur:

biasakan diri mendengar video ceramah Arab tu untuk memberi confident untuk bercakap.

(R2, 107)

b. Hafal Kosa Kata

Responden menyedari bahawa kekurangan kosa kata adalah antara punca kegagalan mereka untuk bertutur dengan baik. Kesedaran kurangnya kosa kata yang dimiliki mendorong responden merancang untuk menghafal kosa kata secara harian dengan menetapkan untuk menghafal lima hingga sepuluh patah kata sehari:

*Nanti saya nak start **tambahkan vocab** satu hari dalam kelas 5 ke 10 perkataan ke. Sebab terlalu sikit vocab saya sekarang. Nak cakap pun jadi tak confident*

(R6, 607)

1.3 Perancangan Penyusunan

Setelah responden membuat persediaan pendahuluan dengan merancang aktiviti yang boleh meningkatkan kemampuan bahasa seterusnya merancang apa yang akan dilakukan dalam kelas bahasa. Ini merangkumi persediaan untuk aktiviti dan tugas yang telah ditetapkan dan diarahkan oleh pensyarah. Catatan responden menunjukkan perancangan penyusunan ini boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu menyempurnakan tugas dan juga membuat simulasi terhadap tugas yang telah diberikan.

a. Sempurnakan Tugas

Setelah responden mendapat tugas berdasarkan aktiviti yang telah ditetapkan oleh pensyarah, mereka merancang untuk menyiapkan tugas dengan sempurna. Berdasarkan beberapa catatan diari, analisis kajian menunjukkan bahawa mereka telah berusaha menyiapkan tugas dengan bersungguh-sungguh:

*Memang **malam before kelas** tu saya, (Anis) and (Melissa) dah prepare siap siap slide bagi cantik, lengkapkan apa yang kurang, bahagi tugas semua untuk present.*

(R8, 807)

b. Latihan dan Simulasi Tugas

Setelah menyiapkan teks berdasarkan tugas yang diberikan seperti bercerita, responden telah merancang strategi tambahan agar dapat bertutur dengan sempurna di dalam kelas bahasa kelak. Mereka telah membuat latihan dengan bercerita seorang diri di bilik:

*Strategi saya ialah saya akan **berlatih terlebih dahulu** untuk **bercerita di bilik**.*

(R10, 219)

Latihan untuk tugas ini banyak dicatat dalam diari responden menunjukkan bahawa mereka sangat aktif merancang penyusunan untuk aktiviti bahasa yang akan dilaksanakan dalam kelas bahasa. Perancangan ini menjadikan responden lebih bersedia untuk bertutur.

1.4 Pemantauan sendiri

Setelah responden merancang untuk menyiapkan tugas dan membuat latihan untuk memantapkan pertuturan, mereka melakukan pemantauan terhadap keberkesanan dan pelaksanaan aktiviti yang telah dilakukan terutama yang melibatkan kefahaman dan kosa kata.

a. Kefahaman

Responden cenderung memantau keadaan diri sendiri sepanjang beraktiviti. Terdapat beberapa orang responden yang dilihat memantau tahap kefahaman dirinya dalam menjalankan aktiviti pembelajaran:

*Bila **aku perhatikan** bila aku lebih **fokus dalam kelas** aku **lebih cepat memahami** apa yang ustaz cakap kat depan....*

(R2, 107)

b. Kosa Kata

Pemantauan terhadap penguasaan kosa kata juga wujud dalam kalangan responden. Mereka memantau berapa banyak kosa kata yang sudah dimiliki dan berapa banyak lagi kosa kata yang diperlukan agar mereka lebih yakin untuk bertutur bahasa Arab:

*Nanti saya **nak start tambahkan vocab** satu hari dalam kelas 5 ke 10 perkataan ke. Sebab **terlalu sikit vocab** saya **sekarang**. Nak cakap pun jadi tak confident. ...*

(R6, 658)

Sikap memantau prestasi diri secara sendiri ini adalah amat perlu sebagai pemangkin kepada strategi yang lain untuk meningkatkan pembelajaran bertutur bahasa Arab.

1.5 Penilaian sendiri

Selepas melakukan strategi pemantauan sendiri terhadap perjalanan dan pelaksanaan aktiviti yang telah dijalankan, responden juga melakukan penilaian sendiri terhadap kemajuan dan pencapaian yang telah berjaya diraih sepanjang aktiviti yang telah dilalui. Penilaian sendiri ini melibatkan penilaian terhadap pemahaman, perancangan dan juga perkembangan diri.

a. Kefahaman

Responden telah melakukan penilaian terhadap pencapaian dirinya dan juga terhadap kemampuan dalam memahami pertuturan pensyarah dan juga rakan-rakan:

***sekarang ni ada perubahan yg baik lah sikit** dari segi kemahiran mendengar sebab dulu mcm susah sangat nak faham apa yg ustaz cakap skarang ni alhamdulillah lebih baik*

(R5, 778)

Responden merasakan bahawa tahap kefahamannya terhadap mesej lisan yang didengarinya bertambah baik memudahkan lagi interaksinya dalam kelas bahasa dengan pensyarah dan rakan-rakan.

b. Perancangan

Responden juga didapati membuat penilaian terhadap perancangan dan strategi mereka sendiri sepanjang melaksanakan aktiviti bertutur. Mereka menilai adakah perancangan mereka berkesan atau tidak:

*Sebenarnya, aku **rasa perancangan** yang aku dan (Nabil) buat sebenarnya **tidak cukup** lagi sebab terlalu spontan*

(R6, 507)

Penilaian yang telah dilakukan oleh responden ini merupakan satu strategi yang berguna untuk membuat penambahbaikan terhadap perancangan yang telah dilakukan agar ia boleh menguasai kemahiran bertutur yang lebih baik.

c. Perkembangan diri

Sebahagian daripada responden telah melakukan penilaian terhadap perkembangan diri mereka sendiri selepas melalui beberapa kali kelas kemahiran bertutur. Responden secara umumnya merasakan bahawa diri mereka masih lagi takut dan bimbang ketika mempelajari kemahiran bertutur:

*Yelah dah masuk setahun lebih sekelas ngan diorang but **still malu nak ckp kat depan***

(R1, 914)

Penilaian sendiri yang dilakukan oleh responden lebih kepada menilai tahap penguasaan bahasa Arab mereka secara umum walaupun telah melalui beberapa sesi pembelajaran tetapi masih lagi wujud perasaan takut dan gerun untuk bercakap dalam bahasa Arab di hadapan kelas.

Berdasarkan catatan diari responden menunjukkan bahawa mereka mempunyai kesedaran yang tinggi dalam membina strategi pembelajaran bahasa terutama daripada aspek strategi metakognitif berdasarkan perancangan dan pengurusan pembelajaran yang telah mereka lakukan. Strategi metakognitif ini merupakan pencetus terhadap strategi kognitif yang lain sebagaimana yang telah dicatatkan oleh responden dalam strategi pengurusan sendiri dan juga strategi perancangan pendahuluan dan juga strategi perancangan penyusunan. Strategi metakognitif ini mencetuskan perancangan strategi yang lain seperti menggunakan sumber, latihan, memindah dan sebagainya sebagaimana yang akan dibincangkan dalam strategi kognitif.

2) Strategi Kognitif

Strategi Kognitif melibatkan strategi-strategi yang lebih tertumpu pada aktiviti-aktiviti pembelajaran secara langsung berkaitan pembelajaran bahasa Arab. Strategi kognitif ini meliputi tindakan-tindakan memanipulasi bahan pembelajaran secara berterusan dengan pelbagai cara yang berlainan.

Berdasarkan taksonomi SPB Chamot dan O'Malley (1990), terdapat sepuluh strategi yang tersenarai di bawah strategi kognitif, namun berdasarkan catatan diari responden yang dikumpul dalam kajian ini, hanya enam (6) bentuk strategi kognitif popular dalam kalangan guru pelatih dalam usaha mereka untuk meningkatkan kualiti dan prestasi pembelajaran kemahiran bertutur yang mereka lalui dalam pembelajaran kursus BAMB3013. Strategi-strategi ini adalah Menggunakan Sumber, Mengambil Nota, Meringkaskan, Membuat Kesimpulan, Menggambarkan, dan Memindahkan.

2.1 Menggunakan Sumber

Responden telah membuat catatan diari menyatakan bahawa mereka banyak menggunakan strategi memanfaatkan sumber sebagai SPB untuk membantu pembelajaran kemahiran bertutur. Pelbagai sumber telah digunakan seperti laman web, kamus, video, audio, dan aplikasi *Google Translator*.

a. Laman web

Ramai responden mencatatkan bahawa mereka sentiasa menggunakan laman web untuk mencari bahan yang akan dibentangkan dalam aktiviti kemahiran bertutur seperti bercerita, perbualan dan sebagainya. Mereka merujuk laman web untuk mencari idea dan juga kosa kata atau ungkapan yang boleh digunakan sebagai panduan untuk aktiviti bertutur:

*Dapat situasi kat mat'am arabiy. Okeyla tu, memang tempat biasa orang pergi kan. Lagipun, **search kat internet** pun hiwar dia tak panjang sangat.*

(R7, 472)

Antara kemudahan yang telah disediakan oleh banyak pusat pengajian termasuk IPG KPI ini ialah wujudnya capaian internet tanpa wayar di dalam kelas sehingga membolehkan pelajar untuk melayari internet dan membuat carian melalui laman web dengan komputer riba masing-masing tentang apa sahaja berkaitan dengan pembelajaran. Responden telah menggunakan peluang ini dengan merujuk kepada laman web untuk mencari maklumat berkaitan tugasan kemahiran bertutur yang telah diberikan.

b. Kamus

Selain merujuk laman web untuk mendapatkan idea, bahan dan contoh perbualan, rata-rata responden juga menggunakan kamus untuk mengetahui makna kosa kata yang tidak difahami:

*Kalau time bahasa arab aku suka **buka kamus**. Kalau tak faham ustaz cakap apa mesti aku cari dalam kamus*

(R4, 037)

c. Video

Kemahiran bertutur memerlukan responden mencontohi dan mengajuk perbualan-perbualan terutama daripada penutur jati bahasa Arab itu sendiri. Responden menggunakan strategi memanfaatkan video sebagai rujukan dan panduan mereka dalam membina keyakinan untuk menguasai kemahiran bertutur:

*Pastu kadang2 saya **tengok cerita Arab** dan tengok gaya dia bercakap.*

(R10, 076)

Strategi menggunakan bahan video ini sangat popular dalam kalangan responden memandangkan ia mudah didapati dengan hanya merujuk kepada aplikasi 'youtube' dan juga boleh dimuat turun dari pelbagai platform di laman web. Kelebihan video ialah ia memberi contoh perbualan berdasarkan situasi dan gambaran gerak geri dan bahasa secara serentak memudahkan lagi proses pembelajaran.

d. Audio

Di samping video yang mempunyai gambar dan suara, responden juga menggunakan audio yang hanya terdiri daripada bunyi dan suara sebagai sumber yang sangat membantu membiasakan mereka mendengar perbualan bahasa Arab. Mendengar audio ini dilakukan sambil membuat kerja lain dan dalam keadaan rehat dan santai:

*Saya juga turut memuat turun dan mendengar percakapan harian **secara audio** supaya saya **biasa dengan percakapan harian** yang mudah di samping mendengar lagu-lagu arab ketika waktu senggang dalam kelas sambil melakukan kerja-kerja menaip.*

(R5, 967)

e. Penterjemah Goggle (Google Translator)

Selain merujuk kamus, pensyarah dan juga rakan untuk mendapatkan makna kosa kata Arab, responden juga menggunakan kemudahan moden dengan merujuk kepada penterjemah Google untuk memperoleh makna. Aplikasi tersebut boleh dicapai dengan mudah melalui komputer riba dan juga telefon pintar. Sebagai contoh, terdapat responden yang mencari istilah-istilah berkaitan perbankan untuk aktiviti perbualan:

*Tapi sebab ustaz ada kata dia lupa istilah istilah bank ni so kami decide nak **google translate** ja*

(R1, 054)

Penggunaan penterjemahan google ini biasanya akan digunakan sebagai langkah terakhir apabila tidak mendapat bantuan daripada pensyarah, rakan atau kamus.

2.1 Mengambil Nota

Antara strategi yang kerap digunakan oleh responden dalam pembelajaran adalah menyalin maklumat yang dipelajari agar dapat diingati dan digunakan kembali ketika diperlukan. Dalam konteks pembelajaran bahasa, strategi mengambil nota banyak melibatkan pelajar mencatat kosa kata baharu dan makna, kosa kata yang tidak diketahui maknanya dan rakaman video.

a. Kosa Kata Baharu dan Makna

Ketika sesi pembelajaran berlangsung banyak kosa kata baharu yang tidak diketahui oleh responden. Kosa kata ini penting untuk dicatat agar ia dapat diingat dan dirujuk apabila diperlukan. Sebahagian besar responden mencatat kosa kata berserta makna:

*Pembelajaran pada hari ini banyak menambahkan mufrodad saya. Saya banyak **menulis perkataan** yang saya **tidak tahu bersama makna** atau percakapan ustaz.*

(R2, 647)

Kosa kata baharu ini dicatat di dalam buku kecil agar mudah untuk dirujuk pada bila-bila masa ketika diperlukan.

Strategi mencatat kosa kata ini juga digunakan terhadap kosa kata yang tidak diketahui maknanya. Kosa kata ini kemudiannya akan dirujuk kepada kamus untuk mendapatkan maknanya:

*lepas tu, aku jugak **catat dulu perkataan yg aku x tau** n balik nanti cari dlm kamus.*

(R7, 151)

b. Rakam Audio

Dalam pembelajaran kemahiran bertutur, SPB lain yang dilihat bijak dan berkesan selain mencatat kosa kata ialah dengan merakam pertuturan pensyarah dan juga rakan dengan menggunakan telefon pintar. Rakaman ini akan didengar semula untuk dipelajari sebutan dan maknanya:

*Saya turut **merakam percakapan ustaz** dan beberapa cerita yang disampaikan oleh **rakan** supaya saya dapat mendengar semula ketika pulang nanti*

(R3, 427)

2.2 Meringkaskan

Dalam menjalankan aktiviti bertutur, menjadi cabaran kepada responden untuk bertutur dengan lengkap dan sempurna lantaran kekangan kosa kata dan pengalaman. Bagi mengatasi masalah ini responden menggunakan strategi meringkaskan kosa kata dan menggunakan ungkapan ringkas dalam pertuturan mereka.

a. Kosa Kata Mudah

Strategi meringkaskan yang digunakan responden ialah dengan memilih kosa kata yang mudah ketika bertutur menjadikan perbualan lebih mudah difahami:

*Rakan-rakan lain ramai yang boleh memahami kisah saya. Saya berasa amat lega dan seronok. Tetapi, mungkin juga jenis **perkataan yang saya gunakan mudah** seperti tahap kanak-kanak.. ..*

(R6, 078)

b. Guna Ungkapan Ringkas

Menggunakan ungkapan ringkas juga merupakan antara strategi yang digunakan oleh responden dalam pertuturan dalam aktiviti seharian dengan rakan dan juga pensyarah:

*...Saya cuba cakap arab sikit, ustaz balas cakap arab penuh, sudah....saya pun **jawab na'am sahaja dan pendekkan perbualan....***

(R8, 273)

Strategi meringkaskan ini banyak membantu responden yang menggunakannya kerana ia boleh membina keyakinan yang lebih tinggi kepada responden selain memudahkan proses pembelajaran untuk mengingat dan menuturkannya dengan baik.

2.3 Membuat Kesimpulan

Strategi membuat kesimpulan atau dikenali sebagai strategi inferen merupakan tindakan yang diambil oleh pelajar untuk mengatasi keterbatasan kosa kata dan makna semasa mempelajari sesuatu bahasa, agar sesi pembelajaran dapat diteruskan. Dalam strategi ini responden menggunakan maklumat dalam teks untuk meneka makna baharu dan menggunakan kosa akata makna paling hampir.

a. Tekah Makna

Pengalaman dan pengetahuan asas responden membantu mereka meneka makna dan memahami cerita yang telah didengari seterusnya lebih yakin untuk memberi jawapan balas terhadap soalan pensyarah. Strategi ini telah digunakan oleh responden sekiranya mendapati bahawa cerita yang telah didengari

daripada rakannya seolah telah diketahui jalan ceritanya. Walaupun tidak dapat memahami cerita secara terperinci namun responden dapat meneka makna dan jalan cerita secara keseluruhannya:

*Tiba time dia dah cerita banyak sikit. Saya **teringat cerita ni macam ada sama dengan satu cerita yang saya pernah dengar**. Thank God cerita ni saya tau. Even saya tak faham sangat apa azzah cakap. At least saya ada preparation jika ustaz tanya saya. Waktu tu rasa confident tu tahap tinggi klcc dah*

(R7, 312)

b. Guna Kosa Kata Makna Paling Hampir

Situasi yang dihadapi oleh responden ketika gagal mencari kosa kata yang sesuai untuk menyampaikan makna yang diinginkan menyebabkan mereka menggunakan strategi kesimpulan. Melalui Strategi ini mereka menggunakan kosa kata yang maknanya hampir dengan maksud yang diinginkan :

*Tambah-tambah bila nak cakap tentang perkejaan ayah, **tak tau dalam bahasa arab sebut apa**. Tapi takut nak tanya. **Last2 cakap abah kerja petani**, tapi memang betul pon sebab abah buat sawah dan abah tukang rumah (buat rumah) β tak tau nak sebut apa dalam bahasa arab. Huhu.*

(R10, 270)

2.4 Menggambarkan

Strategi menggambarkan ini bermaksud responden menggambarkan sesuatu secara mental atau menggunakan imej sebenar bagi memahami dan mengingat maklumat baharu atau menyelesaikan masalah. Guru pelatih menggunakan gaya, simulasi dan bahan bantu untuk memahami dan untuk memudahkan pertuturan mereka difahami.

a. Meneka Makna berdasarkan Gaya Isyarat

Memahami pertuturan dalam keadaan kekurangan kosa kata amat mencabar. Namun cabaran ini dapat dikurangkan dengan ‘strategi menggambarkan’ yang telah digunakan oleh responden. Dalam situasi ini, responden telah memerhatikan memek muka serta gerak geri badan penutur untuk meneka maksud yang ingin disampaikan bagi membina kefahaman sendiri.

*Pastu, klu aku x faham apa yg seseorang tu cakap, aku akan **cuba perhati memek muka atau bahasa isyarat yg dia gunakan**. In shaa Allah dpt tangkap maksud sikit2.*

(R9, 197)

b. Simulasi Bayangan

Sebagai langkah untuk menjamin pertuturan yang lebih baik dan meyakinkan ketika tiba giliran untuk melakukan tugas perbualan di hadapan kelas, terdapat responden yang menyatakan bahawa beliau telah menggunakan strategi simulasi bayangan dengan membayangkan apa yang dia akan buat di hadapan kelas ketika rakan-rakan sedang melakukan perbualan:

*Aku **bayang atau gambarkan dalam kepala apa yang aku akan buat kat depan nanti**, sepanjang kawan-kawan aku (pasangan lain) tengah hiwar kat depan*

(R10, 067)

c. Alat Bantu

Penggunaan alat bantu atau ‘props’ sebagai pembantu untuk memudahkan pendengar memahami perbualan juga merupakan satu strategi yang dilihat sangat berkesan. ‘Props’ merupakan sesuatu bahan sebenar yang boleh membantu memudahkan untuk menyampaikan makna yang diinginkan. Penggunaan ‘Props’ banyak mengurangkan beban dan juga masa untuk menyampaikan sesuatu ketika bertutur lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan situasi kekurangan makna kosa kata Arab. Malah ia juga boleh menjadikan sesi pembelajaran yang lebih menyeronokkan:

*Saya **membuat props** bagi hiwar kami iaitu **beberapa alatan bagi membantu rakan lain memahami hiwar** kami, kerana istilahnya jarang didengari contohnya seperti istilah index, bibliography, self learning centre dan lain-lain.*

(R6, 370)

Strategi penggunaan ‘props’ ini ibarat bahan bantu mengajar bagi guru, namun dalam kajian ini, responden telah menggunakan strategi ini untuk menyampaikan maklumat atau kosa kata yang susah

untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. *Props* ialah kertas yang ditulis padanya sesuatu perkataan untuk ditunjukkan di hadapan kelas. Tulisan pada kertas tersebut ditulis dalam bahasa selain bahasa Arab, bagi membantu penonton menggambarkan makna yang susah untuk diterangkan dalam bahasa Arab.

2.5 Memindahkan

Strategi memindahkan bermaksud penggunaan maklumat bahasa yang telah diketahui untuk tujuan kefahaman dan juga penghasilan. Dalam situasi pembelajaran kemahiran bertutur ini responden telah memanfaatkan pengalaman dan maklumat bahasa yang diperoleh daripada rakan dan juga pensyarah seterusnya menggunakannya semula dalam pertuturan dan juga aktiviti pembelajaran kemahiran bertutur. Selain itu responden juga meniru uslub dan gaya bahasa yang telah digunakan oleh rakan dalam kelas.

a. Guna Semula Kosa Kata

Strategi memindahkan ini melibatkan penggunaan semula kosa kata yang telah dipelajari dalam pertuturan dalam sesi pembelajaran:

*saya juga merancang untuk **mengguna semula beberapa perkataan** bagi penyampaian penceritaan yang digunakan oleh rakan saya yang saya agak- agak menarik atau jarang didengar*
(R9, 474)

b. Tiru Uslub dan Gaya bahasa

Pemindahan gaya bahasa juga digunakan oleh responden sebagai strategi yang baik untuk mempelajari kemahiran bertutur. Mereka yang telah memerhatikan rakan-rakan yang telah mempersembahkan aktiviti kemahiran bertutur dan menggunakan semula gaya tersebut dalam pertuturan dan aktiviti bertutur:

*Saya juga cuba banyak mendengar bagaimana rakan-rakan lain bertutur supaya **saya dapat tiru dan menyebut gaya uslub bahasa** yang betul ketika bertutur.*
(R1, 250)

Strategi Kognitif banyak digunakan oleh guru pelatih dalam mempelajari kemahiran bertutur, namun strategi ini ada yang dilakukan secara langsung dalam kelas semasa sesi pembelajaran berlangsung. Terdapat juga strategi yang dilakukan di luar kelas namun ia juga bertujuan untuk meningkatkan kemampuan bertutur yang akan dilakukan dalam aktiviti-aktiviti sepanjang tempoh pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Strategi kognitif tercetus daripada strategi metakognitif dan saling berkait antara satu dengan yang lain. Strategi kognitif dilihat banyak menyokong dan mengembangkan strategi metakognitif.

3) Strategi Sosial Afektif

Di samping strategi metakognitif dan strategi kognitif, responden juga menggunakan strategi sosial afektif yang melibatkan hubungan sosial dengan sesiapa di sekelilingnya. Strategi ini juga dapat dipecahkan kepada beberapa tema seperti bertanya untuk penjelasan, bekerjasama, bercakap pada diri sendiri dan meredakan kebimbangan.

3.1 Bertanya untuk Penjelasan

Strategi bertanya untuk mendapat penjelasan merupakan strategi untuk mendapatkan penerangan tambahan, penyusunan semula, contoh atau pengesahan daripada pensyarah atau mereka yang lebih mahir. Namun berdasarkan catatan harian yang ditulis oleh responden menunjukkan mereka bertanya untuk mendapat kefahaman tentang apa yang telah didengari daripada pensyarah dan juga rakan-rakan mereka. Mereka juga bertanya tentang istilah dan kosa kata yang tidak diketahui maknanya.

a. Bertanya untuk Tingkatkan Kefahaman

Responden banyak mengguna strategi bertanya untuk mendapat penjelasan tentang apa yang tidak difahami daripada pertuturan pensyarah. Mereka lebih gemar mendapat penjelasan sesama mereka:

*Hari ini saya banyak **tak dapat tangkap** dan **tak faham** apa cuba ustaz katakan. Saya tak dapat fokus. Saya **banyak tanya (Wani) rakan sebelah meja saya**. Mujur dia banyak membantu*

(R11, 065)

b. Bertanya untuk Mengetahui Makna Kosa Kata

Responden juga menggunakan strategi bertanya untuk mendapat tahu makna istilah-istilah dan kosa kata yang tidak difahami. Strategi ini lebih mudah dan cepat berbanding dengan mencari makna menggunakan kamus:

*Kadang-kadang, saya tnye (Najwa) **perkataan yang saya tak tahu**. Tapi kebanyakannya, (Najwa) pon tak tau. Ha hah kadang tu **Tanya kak (Fauziah), Kak (Ziana)**. Saya panggil dyorang kamus bergerak.*

(R2, 092)

3.2 Bekerjasama dengan Rakan

Strategi bekerjasama digunakan bersama rakan sebaya untuk menyelesaikan masalah, mengumpulkan maklumat, menyemak tugas dan mendapatkan maklum balas. Dapatan daripada responden menunjukkan bahawa pelajar banyak bekerjasama dari aspek latihan bertutur, menyiapkan tugas dan semakan tatabahasa.

a. Latih Bertutur Bersama-sama

Terdapat responden yang menggunakan strategi bekerjasama dengan rakan untuk melakukan latihan bertutur bahasa Arab kerana cara ini boleh membiasakan diri mereka untuk meningkatkan kemahiran bertutur sebagaimana yang telah dilakukan oleh Anis dengan rakan-rakannya:

*Ok, next straegi aku pulak. Nak ataupun x aku rasa aku memang kena **try cakap Arab dengan kawan2**. Sbb smpai bila aku nak berada dalam ketakutan nak cakap Arab.*

(R7, 027)

b. Bekerjasama Menyiapkan Tugas

Responden juga bekerjasama ketika menyiapkan tugas aktiviti kemahiran bertutur yang telah diberikan oleh pensyarah mereka. Mereka bekerjasama dengan rakan untuk menjana idea dan juga berbincang untuk menyiapkan teks:

*Pada malam sebelum hari kejadian aku **minta tolong sahabat² yang lain untuk memberi cadangan kisah** yang hendak diceritakan*

(R4, 055)

c. Bekerjasama Menyemak Tatabahasa

Pembelajaran bahasa Arab banyak menitik beratkan soal tatabahasa lebih-lebih lagi kemahiran bertutur yang memerlukan pertuturan di khalayak ramai menyebabkan ramai guru pelatih yang gugup dan gagap kerana bimbangan lakukan kesalahan tatabahasa. Justeru beberapa orang responden mencatatkan bahawa mereka juga bekerjasama dengan rakan-rakan mereka untuk menyemak tatabahasa agar dapat mengurangkan kesalahan:

*Ustaz bagi peluang untuk bercerita masa hari khamis ni, rasa lega sangat. Boleh la cari cerita yang mudah, and faham, boleh la nak suruh sapa-sapa **tolong betulkan baris**.*

(R9, 221)

3.3 Bercakap dengan Diri Sendiri

Sepanjang sesi pembelajaran, pelajar melalui pelbagai situasi yang boleh melemahkan semangat mereka untuk mempelajari kemahiran bertutur. Berdasarkan catatan diari menunjukkan ramai responden yang telah menggunakan strategi bercakap dengan diri sendiri untuk membina keyakinan diri dan meningkatkan motivasi untuk meneruskan pembelajaran. Antara strategi yang telah digunakan oleh responden ialah teraspirasi dengan pensyarah dan rakan, fikir positif dan juga memujuk diri.

a. Terinspirasi dengan Pensyarah dan Rakan

Ramai responden yang melihat pensyarah sebagai seorang yang hebat dan fasih berbahasa. Mereka mengimpikan untuk mendapat kefasihan bahasa seperti nya:

*Sambil dengar tu kan, aku cam **kagum lah dengar ustaz** cakap bahasa arab, bahasa dia mudah je nak faham. Aku **nak gak jadi centu** hehe.*

(R5, 807)

Di samping kagum dan teruja dengan pensyarah ramai juga responden yang meluahkan bahawa mereka sangat kagum dengan kehebatan dan kefasihan rakan mereka sendiri. Mereka berazam untuk mencontohi rakan mereka:

Orang lain pun tak kurang hebatnya.** Kak (Fauziah), salah seorang yang power. Bahasa dia mudah difahami. Rilex je dia baca. Tak nampak nervous pun. **Dari dulu lagi teringin nak jadi macam dia.

(R10, 334)

b. Sentiasa Berfikir Positif

Strategi menambahkan keyakinan dan tingkatkan motivasi ialah dengan sentiasa berfikir positif walaupun dalam apa situasi yang dihadapi sepanjang sesi pembelajaran kemahiran bertutur ini. Ramai responden yang mencatatkan kata-kata positif membina keyakinan diri untuk terus menghadapi situasi pembelajaran:

*sekarang kalau aku kat depan dan ada orang nak gelakkan aku x kisah sangat sebab aku anggap aku nak belajar. Jadi kalau salah x pe... **Yakin dan positifkan diri...***

(R2, 157)

c. Memujuk Diri Sendiri

Strategi memujuk diri sendiri juga digunakan dengan cara membisikkan kata pujukan untuk terus bertutur tanpa rasa takut:

*Aku selalu cakap kat diri aku "Sampai bila aku nak takut.. **sampai bila aku tak nak cakap Arab..** Lambat laun aku memang kena cakap Arab.." so.. (Diana).. **keep it up.. di mana ada usaha di situ ada jalan..***

(R1, 297)

3.4 Meredakan Kebimbangan

Masalah utama yang dihadapi oleh hampir keseluruhan responden ialah perasaan takut dan bimbang melanda diri mereka sepanjang pembelajaran kemahiran bertutur ini. Perkara yang membezakan antara mereka ialah tahap kebimbangan dan bagaimana strategi yang digunakan untuk mengatasinya. Antara strategi yang digunakan ialah berdoa, berfikir bahawa tiada siapa yang lihat, kuatkan suara dan memegang sesuatu.

a. Berdoa dan Berzikir

Responden menggunakan strategi berdoa bagi mengurangkan kebimbangan yang dihadapi:

*Jadi sekarang, melihat kepada masalah yang timbul contohnya **penyakit darah gemuruh**, Nabi SAW pernah ajar kepada kita jikalau hati **tidak tenang maka lakukan perkara tersebut iaitu banyakkkan berselawat, berzikir, membaca Al Quran**, solat dan sebagainya. Semua itu aku berusaha lakukan secara istiqamah untuk membuang penyakit yang menghalang diriku untuk terus ke hadapan.*

(R4, 256)

b. Fikir Tiada yang Lihat

Antara strategi untuk meredakan kebimbangan ialah dengan membisikkan pada diri agar menganggap tiada seorang pun yang melihat mereka bertutur di hadapan mereka:

*masa dlm keadaan takut nak baca berita hari tu saya baca dalam keadaan cepat dan buat **orang kat depan macam tak wujud**.*

(R3, 887)

c. Kuatkan Suara

Responden menggunakan strategi bertutur dengan suara yang kuat untuk menghilangkan perasaan gentar yang melanda dirinya setelah sampai giliran untuk bertutur:

.. saya cuba bercakap kuat untuk hilangkan gugu,, cuma saya banyak berasa kurang yakin dengan perkataan saya

(R6, 403)

d. Memegang Sesuatu

Perasaan bimbang dan takut boleh menyebabkan responden gementar sehingga boleh dilihat oleh rakan. Oleh itu, strategi yang digunakan untuk mengurangkan rasa gementar adalah dengan memegang sesuatu ketika sedang bertutur di hadapan:

Saya kalau bentang dekat depan kena jugak pegang sesuatu, selalunya saya akan pegang pensel sebab tak mau bagi nampak sangat takut or gementar tu.

(R5, 169)

Berdasarkan catatan diari yang ditulis didapati responden banyak melakukan usaha untuk meningkatkan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Usaha ini boleh diklasifikasikan sebagai strategi apabila dilakukan secara sedar dan bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran bahasa Arab. Secara keseluruhannya responden menggunakan semua kategori SPB yang digariskan oleh Chamot dan O'Malley.

4.2 Perbincangan

Setelah meneliti dapatan yang terhasil daripada analisa catatan diari responden menunjukkan bahawa guru pelatih IPG KPI menggunakan semua kategori SPB yang telah digariskan oleh Chamot dan O'Malley (1990). Namun terdapat pola tema yang dapat diperhatikan seperti kecenderungan penggunaan tiga kategori strategi metakognitif, kognitif dan sosial afektif. Responden dilihat banyak menggunakan strategi metakognitif dengan merancang secara sendiri untuk belajar dan juga melakukan persediaan pembelajaran. Mereka telah merancang kaedah dan aktiviti untuk meningkatkan kemahiran bertutur seperti memanfaatkan bahan audio dan video yang dimuat turun daripada internet sebagai panduan dan latihan bertutur. Strategi ini dilihat sangat bermanfaat dan banyak membantu guru pelatih meningkatkan kemahiran bertutur. Strategi ini juga banyak membantu pelajar Universiti Islam Antarabangsa meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab (Mastura & Kaseh, 2015).

Walaupun responden dilihat banyak menggunakan strategi metakognitif, strategi kognitif juga digunakan secara agresif dengan penggunaan sumber semasa aktiviti bertutur berlangsung seperti merujuk laman web untuk mencari bahan perbualan dan istilah yang sesuai untuk pertuturan. Pelbagai strategi kognitif digunakan bagi memahami pertuturan dan seterusnya memberi respon yang betul, antaranya strategi membuat kesimpulan dengan meneka makna yang ingin disampaikan, penggunaan kosa kata makna yang paling hampir untuk menyampaikan sesuatu makna. Strategi menggambarkan dan memindahkan juga kerap digunakan untuk memudahkan pertuturan mereka difahami dengan menggunakan isyarat ketika bertutur dan juga penggunaan bahan bantu. Strategi memindahkan juga dilihat berkesan meningkatkan kemahiran bertutur responden dengan menggunakan semula kosa kata yang dipelajari dalam pertuturan dan juga meniru gaya bahasa dan gaya pertuturan pensyarah dan juga rakan. Justeru, Penggunaan strategi kognitif dimanfaatkan secara aktif oleh pelajar cemerlang (Nurazan, 2004).

Terdapat juga responden yang menggunakan SPB secara kreatif iaitu menggunakan telefon bimbit untuk merakam perbualan pensyarah dan juga rakan. Ini adalah kaedah baharu bagi strategi mengambil nota malah cara ini lebih berkesan kerana ia merekod bunyi untuk dirujuk semula dan digunakan semasa bertutur. Kreativiti dalam pemilihan dan penggunaan SPB yang sesuai dalam aktiviti pembelajaran adalah sangat penting untuk menjamin keberkesanan pembelajaran (Nik Farhan, 2011). Begitu juga dalam pemilihan SPB kemahiran bertutur.

5. Kesimpulan

Penggunaan SPB dalam kalangan guru pelatih di IPG KPI sangat memberangsang apabila ia melibatkan semua komponen SPB Chamot dan O'Malley (1990). SPB yang jelas digunakan oleh responden ialah Strategi Metakognitif dan Strategi Kognitif yang dilihat mempunyai kaitan rapat antara keduanya. Guru pelatih banyak merancang kaedah dan aktiviti sendiri untuk meningkat pembelajaran kemahiran bertutur dengan memuat turun video dan juga audio dari internet. Mereka juga banyak merujuk laman web untuk mendapatkan kosa kata baharu. Strategi ini juga merupakan strategi kognitif yang memanfaatkan sumber dalam proses pembelajaran. SPB yang telah dikenal pasti ini amat memberi kesan kepada guru pelatih dalam meningkatkan pembelajaran kemahiran bertutur, serta mengatasi kekangan yang mereka hadapi semasa bertutur. Justeru, ia perlu didedahkan dalam bentuk modul yang lebih terancang dan bersusun, agar dapat dijadikan panduan serta diamalkan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab.

Rujukan

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1–14.
- Abd. Aziz Mahayudin, Mohamad Fauzi, Yahya. & Balqis Kamarudin (2015). Penggunaan Bahasa Arab dalam Penyelidikan Tindakan di Institut Pendidikan Guru: Masalah Penulisan dan Cara Penyelesaian. Dalam Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab, pp 211-217
- Abdullah Hamzah, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah & Wan Muhammad Wan Sulong. (2017). Mengapa Guru Pelatih Bimbang untuk Bertutur dalam Kelas Bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol.15 (2), pp 1-6
- Ahmad Syahmi Mohamed, Pabiyah Toklubok, Norazlina Mohd Kiram, Salina Husain, Nik Farhan Mustapha. (2024). Pengaplikasian Strategi Bertutur Pendebar Amatur Bahasa Arab. *Jurnal Linguistik*. Vol 28 (2), pp 48-61
- Anida Abdul Rahim. (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu*. Univeristi Malaya.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Parillah, Mohd. Shah & Wan Haslina Halim. (2013). Cognitive and metacognitive learning strategies among Arabic language students. *Interactive Learning Environments*, Vol. June, 1–11.
- Griffiths, C. (2003). Language learning strategy use and proficiency: The relationship between patterns of reported language learning strategy (LLS) use by speakers of other languages (SOL) and proficiency with implications for the teaching/learning situation. University of Auckland.
- Juwairiah Osman & Mardian Shah Omar. (2024). Komunikasi Intra Linguistik dalam Kemahiran Berbahasa Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*. Vol. 28 (1). pp100-118
- Kamarul Shukri Mat Teh (2009). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamad Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Mohd Amin Embi, & Zamri Mahamod. (2009). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab berdasarkan tahap pendidikan ibu bapa. Prosiding *International Conference on Language 2009*, Vol. 27–28, 398–406.
- Mastura Arshad, and Kaseh Abu Bakar. (2015). Penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 7(1), 1-17.
- Mohamad Ziyad Mukhtar, & Izuddin Muhammed. (2011). Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Ppismg Gsst- Pai: Satu Kajian Kes. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 11(2), 1–22.
- Mohd Hilmi Mohd Hashim. (2014). Strategi Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Hilmi Mohd Hashim, Muhd Zulkifli Ismail & Nik Farhan Mustapha. (2014). “Alamak! Macamana nak cakap ni?” : Penggunaan Strategi Tampungan dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *Global Media Journal - Malaysian Edition*, 4(1), 152–168.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 14(1), 117-133.
- Nazimah Ngah. (2011). Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Membaca Dengan Penguasaan Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Universiti Utara Malaysia.
- Nik Farhan Mustapha. (2011). Strategi Kemahiran Membaca. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nurazan Mohmad Rouyan. (2004). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA. Universiti

Kebangsaan Malaysia.

- O'Malley, J. M., & Chamot, A. U. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. New York, Port Chester, Melbourne, Sydney: Cambridge University Press.
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House Publishers.
- Rubin, J. (1975). What the "Good Learner" Can Teach Us. *TESOL Quarterly*, 9(1), 41–51.
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat, Ismaiel Hassanein Ahmed Mohamed. (2010). Understanding Arabic-speaking skill learning strategies among selected Malay learners: A case-study at the International Islamic University Malaysia (IIUM). *Contemporary Issues In Education Research*. Vol. 3(8), 9-20.
- Sumaiyah Sulaiman. (2020). Pembangunan Modul Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab Berasaskan Regulasi Kendiri dalam Kalangan Pelajar Institut Guru di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Sumayah Sulaiman, Nik Farhan Mustapha & Pabiyah Toklubok. (2023). *TZ Kitabiy: Mudahnya Menulis Bahasa Arab*. Serdang: Penerbit UPM.

Biodata Penulis

Abdullah Hamzah ialah Pensyarah di Jabatan Bahasa Arab, Institut Perguruan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bandar Baru Bangi. Beliau juga merupakan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang bahasa Arab dari Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Psikolinguistik Arab.

Pabiyah Toklubok merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Asing (Bahasa Arab), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Bandingan: Arab-Melayu, Kesusasteraan Islam dan Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. Sekarang beliau dilantik sebagai penyelaras Program dengan Penyelidikan: Master Sastera (MA) dalam bidang Pengajian Wacana, Linguistik Bandingan dan Terapan, Pengajian Sastera dan Budaya, Penterjemahan dan Interpretasi dan Pengajian Literasi.

Wan Muhammad Wan Sulong ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Asing (Bahasa Arab), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Sociolinguistik, Analisis Wacana dan Pragmatik. Sekarang beliau dilantik sebagai penyelaras Program dengan Penyelidikan: PhD dan Master Sastera (MA) Bahasa Arab.